

1981

KUALA LUMPUR, 27 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU BERSEDIA MENEMUI WAKIL CUEPACS UNTUK MENGETAHUI KEDUDUKAN SEBENARNYA MENGENAI TUNTUTAN MEREKA MENDAPATKAN ELAUN RUMAH SEPERTI YANG DILAPORKAN BARU-BARU INI.

PERDANA MENTERI BERKATA +SAYA SENDIRI INGIN MENGETAHUI APA YANG SEBENARNYA CUEPACS MAHU DARI KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN TUNTUTAN ITU+.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA HARI INI KETIKA DIMINTA MENGULAS KATA DUA YANG DIBERIKAN OLEH CUEPACS UNTU MENGADAKAN PIKET JIKA KERAJAAN TIDAK MENYELESAIKAN TUNTUTAN MENDAPATKAN ELAUN RUMAH BAGI KAKITANGAN KERAJAAN DALAM TINGKATAN KANAN KE BAWAH DALAM MASA TIGA MINGGU.

SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS, ENCIK JAMALUDDIN MOHAMED ISA, DILAPORKAN SEBAGAI BERKATA SEMUA KESATUAN GABUNGAN CUEPACS TELAH DIARAH MENGEMUKAKAN SEGERA TUNTUTAN ELAUN RUMAH KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN MEMBERI TEMPOH TIGA MINGGU UNTUK KERAJAAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MASIH BELUM MENERIMA SURAT RAYUAN YANG DIHANTAR KEPADANYA SUPAYA TUNTUTAN ITU DISELESAIKAN SEGERA.

BAGAIMANAPUN, TAMBAH BELIAU, PEJABATNYA SENTIASA TERBUKA UNTUK BOMBONGAN CUEPACS MENEMUI BELIAU BAGI MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH YANG DIHADAPI.

—BERSAMBUNG 1257/AN—

B534

MAHATHIR-CUEPACS 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA CUEPACS SENTIASA MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN JABATAN PERDANA MENTERI +MALAHAN SAYA MERUPAKAN PERDANA MENTERI YANG SERING MENEMUI KESATUAN-KESATUAN+.

KATANYA, AGAK SUKAR BAGI BELIAU UNTUK MEMPASTIKAN SAMADA TUNTUTAN CUEPACS ITU AKAN DILAYANI MEMANDANGKAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA DAN HASIL DARI PENDAPATAN EKSPORT TIDAK BEGITU BAIK SEPERTI DI MASA LALU.

+AGAK SUSAH BERUNDING DENGAN KESATUAN-KESATUAN JIKA JAWAPANNYA NEGATIF. MEREKA MENGGANGAP SAYA TIDAK MEMBERI JAWAPAN LANGSUNG DAN UNTUK MEMBERI JAWAPAN YA, SAYA PERLU MEMIKIRKAN BEBERAPA PERKARA TERLEBIH DAHULU,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENJELASKAN DALAM MELAYANI SEBARANG TUNTUTAN, KERAJAAN PERLU MEMIKIRKAN KEUNTUNGAN YANG SEHARUSNYA DIPEROLEHI OLEH SEMUA RAKYAT DAN TIDAK SAHAJA KAKITANGAN KERAJAAN.

KATANYA KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGAGIHKAN HASIL KEKAYAAN NEGARA KEPADA SEMUA RAKYAT DAN ITULAH SEBABNYA KERAJAAN TERPAKSA MENANGGUNG BEBAN \$350 JUTA DALAM BELANJAWAN BARU-BARU INI UNTUK MENGURANGKAN KOS PENGHIDUPAN RAKYAT.

--BERSAMBUNG 1316/AN

B538

MAHATHIR-CUEPACS 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGINGATKAN CUEPACS BAHAWA KERAJAAN ESENANTIASA MEMENTINGKAN KEBAJIKAN KAKITANGAN KERAJAAN TERUTAMA SEKALI DALAM PENYEMAKAN GAJI YANG LALU DI MANA KAKITANGAN KERAJAAN DIBERIKAN HAK PENCEN YANG BAIK.

+ANDA SEMUA BOLEH MEMBUAT PERBANDINGAN DI SELURUH NEGARA DAN ANDA TETAP AKAN MENDAPATI TIDAK ADA NEGARA LAIN DI DUNIA YANG MEMBERI PENCEN YANG BAIK TANPA CUKAI SERTA LAIN-LAIN GANJARAN SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN SEKARANG,+ TAMBAH BELIAU.

+SUDAH TENTU JIKA PERBANDINGAN DI BUAT ANTARA GAJI KAKITANGAN KERAJAAN PERINGKAT BAWAH DAN PERINGKAT ATASAN, MUNGKIN TERDAPAT PERBEZAAN.+

KATANYA, PERBANDINGAN GAJI HARUSLAH DIBUAT ANTARA PERINGKAT BAWAH KERAJAAN DENGAN MEREKA YANG BEKERJA DI SEKTOR SWASTA DAN DIDAPATI MEREKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM NENIKMATI KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK.

BAGAIMANAPUN, BAGI PERINGKAT ATASAN PULA MEREKA DI SEKTOR SWASTA MENDAPAT GAJI YANG LEBIH LUMAYAN DARI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN.

DENGAN DEMIKIAN, TEGASNYA, ADALAH WAJAR DIBERI KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN PERINGKAT ATASAN UNTUK MENGELAKKAN MEREKA DARIPADA MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN SEKTOR SWASTA SEPERTI YANG BERLAKU SEKARANG. -- BERNAMA 1420/SZ